

# **TEKS UCAPAN**

**Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

## **MAJLIS MAKAN MALAM JASAMU DIKENANG**

*19 JANUARI 2014 (ISNIN) 8.00 MALAM, PLAZA RAMADA MELAKA*

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Terima kasih kepada Saudara Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr Johari Bin Mat,**  
Pro Canselor UTeM

**Yang Berbahagia, Datuk Wira Ismail bin Saleh,**  
Pro Canselor UTeM

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib**  
Naib Canselor UTeM

**Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain,**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Izaidin Bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Muhammad Ghazie Bin Ismail**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zolkepli Bin Buang**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Tuan-Tuan dan Puan-puan  
yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Maha Pencipta Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, atas kesihatan dan kesejahteraan yang membolehkan diri saya, tuan-tuan dan puan-puan untuk berkumpul untuk bersama-sama pada malam ini.

**Anak haruan berlima lima,  
Mati ditimpa ponggor berdaun,  
Budi tuan kami terima,  
Jadi kenangan bertahun-tahun.**

2. Seperti mana pembayang, begitulah maksudnya bagi insan-insan yang diraikan dalam majlis pada malam ini yang begitu istimewa dan begitu bermakna bagi kepimpinan tertinggi Universiti. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran:

Mantan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang terdiri daripada:

- i. Y.Bhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh
- ii. Y.Bhg. Dr. Aris bin Kasan
- iii. Y.Brs. En. Shahid-din bin Mohd Khatib, dan

- iv. Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan  
Naib Canselor Ketiga UTeM

Para hadirin yang diraikan dan dikasihi sekalian,

3. Dalam salah satu tulisan karya agung Johann Paul Friedrich Richter, iaitu seorang penulis masyhur dari Jerman ada menyatakan bahawa:

**“Man feeling are always purest and most glowing in the hour of meeting and farewell”**

4. Di mana ada pertemuan, pasti akan ada perpisahan. Di mana ada awal pasti akan ada akhir. Ketika akhir sebuah perjalanan akan menjadi awal perjalanan yang lain dan sebuah perpisahan

akan menjadi pertemuan yang sesuatu yang baru. Inilah lumrah kehidupan. Dengan kesibukan dengan tugas seharian dan pelbagai komitmen menyebabkan kita terasa dan ada kalanya kita tidak perasan bahawa waktu begitu pantas meninggalkan kita.

5. Sepantas itu jugalah tempoh pelantikan Y.Bhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang telah banyak mencurahkan idea dan sumbangan terhadap pembangunan Universiti selama 6 tahun bermula dari 16 Julai 2008 sehingga 31 Oktober 2014. Penglibatan Y.Bhg. Datuk Wira yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah banyak membantu dalam mengukuhkan lagi hubungan Universiti dengan Kerajaan Negeri menerusi aktiviti kerjasama di antara kedua-dua belah pihak. Pelantikan Y.Bhg. Dr. Aris bin Kasan yang bermula pada 1 Oktober 2013 sehingga 31 November 2014 pula boleh dikatakan sebagai penghubung rapat antara Kementerian Pendidikan

Malaysia dan UTeM, begitu juga kepada Y.Brs. En. Shahid-din bin Mohd Khatib, ahli silih ganti Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dilantik selama 3 tahun mulai 15 Julai 2014.

6. Selain daripada itu, Universiti turut terkesan dengan perpisahan Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff sebagai Naib Canselor ketiga UTeM apabila tempoh pelantikan beliau berakhir pada 15 Jun 2014. Selama 6 tahun beliau berkhidmat sebagai Naib Canselor UTeM, sejujurnya saya dapat melihat UTeM telah melalui satu fasa pembangunan dan kecemerlangan yang amat ketara. Sikap beliau yang berdedikasi, 'passionate' terhadap tugas dan tanggungjawab, mudah dibawa berbincang, 'easy going' dan sentiasa berusaha mempermudah urusan menjadikan beliau sebagai seorang ketua yang mesra dan mudah didekati oleh warga universiti.



Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Bak kata pepatah Melayu, patah kan tumbuh, hilang kan berganti, namun yang hilang akan tetap kekal abadi. Apabila mengenang kembali saat-saat ketika bersama, pasti ia akan menjadi detik kenangan paling manis yang tidak dapat dilupakan. Semoga majlis pada malam ini dapat mengimbas kembali memori dan kenangan bersama dif-dif jemputan sepanjang perkhidmatan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
8. Sesungguhnya, pertemuan pada malam ini juga adalah penting dalam konteks mengukuhkan semangat kerjasama yang berterusan bersama Mantan Naib Canselor dan ahli-ahli lembaga pengarah untuk terus bersama-sama UTeM menyokong dan menyumbang ke arah mencapai aspirasi visi dan misi Universiti.

9. Saya percaya bahawa kepimpinan yang silih berganti dalam menerajui Universiti bukanlah halangan untuk meneruskan perhubungan dan jalinan yang sedia ada, terutama dalam berkongsi pengalaman dan idea bernas ke aras kemajuan universiti.

“Memories last forever, never do they die. Friends stay together,  
never say goodbye”

10. Akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana yang telah bekerja keras bagi menjayakan majlis ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Pro Canselor, Ahli Lembaga Pengarah di atas kesudian melapangkan masa untuk bersama-sama dalam majlis pada malam ini.

Sekian saja ucapan saya.

*Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi  
taala wabarakatuh.*